

Ambil tindakan segera: Najib

Kerajaan Selangor digesa atasi masalah lombong pasir tidak terkawal

ASMALIZA MANSOR &
AMRULLAH ABDUL KARIM

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berharap kerajaan Selangor mengambil tindakan bagi mengatasi masalah melombong pasir yang tidak terkawal di negeri berkenaan kerana isu itu menimbulkan kemarahan rakyat.

Perdana Menteri berkata,

kerajaan Selangor, yang mempunyai bidang kuasa terhadap perkara itu, sepatutnya memantau isu itu dan mengambil keputusan dengan tidak membenarkan kegiatan berkenaan dijalankan kerana ia boleh menjejaskan dengan teruk keadaan muka bumi di negeri itu.

"Saya berharap Kerajaan Negeri (Selangor) akan mengambil tindakan untuk

memulihkan keadaan ini sebab isu ini menimbulkan kemarahan rakyat.

"Rakyat Malaysia yang melihat (isu) ini sebagai satu kelemahan besar yang dilakukan Kerajaan Negeri (Selangor)," katanya kepada media selepas majlis perhimpunan bulanan, penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang 2009 dan Penganugerahan Pembaharuan Pensijilan 5S Per-

bendaharaan Malaysia di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kegiatan melombong pasir yang tidak terkawal di beberapa tempat di Selangor sejak kebelakangan ini.

Sebelum ini, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dalam kenyataan akhbar, mengakui kegiatan itu diketahui Kerajaan Negeri menerusi anak syarikatnya, Kumpul-

an Semesta Sdn Bhd.

Abdul Khalid berkata, kegiatan itu mempunyai permit sah dan lokasi sebenarnya terletak di Kampung Olak Lempit di Mukim Tanjung 12, Kuala Langat dan bukan di Bukit Changgang seperti dilaporkan media.

Mengulas lanjut, Najib berkata, kegiatan melombong pasir yang tidak terkawal itu memberi satu tamparan hebat kepada



● NAJIB TUN RAZAK

kewibawaan kerajaan Selangor.

Menurutnya, ini kerana apa yang berlaku itu begitu dahsyat dan kegiatan itu tidak sepatutnya dibiarkan berleluasa. - Bernama

Pegawai Daerah nafi wujud kegiatan curi pasir

Ladang Rasa didakwa jadi lokasi curi pasir

RASA - Satu lagi kawasan di Selangor didakwa

HULU SELANGOR – Pegawai Daerah Hulu Selangor, Nor Hisham Ahmad Dahlan menafikan mengenai dakwaan wujudnya kegiatan mencuri pasir di daerah itu.

Beliau sebaliknya menegaskan semua aktiviti mengorek dan mengeluarkan pasir itu mempunyai permit sah.

Menurutnya, kelulusan daripada Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) juga diterima untuk aktiviti di kawasan rizab JPS.

“Seperti yang saya maklumkan sebelum ini, lokasi yang didakwa menjadi tempat mencuri pasir sebenarnya sedang dipantau pihak berkuasa dan tidak berlaku kegiatan haram.

“Permit dikeluarkan kepada Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KKS) dan mereka melantik kontraktor untuk melaksanakan aktiviti itu,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Nor Hisham berkata, aktiviti pengambilan dan pengeluaran pasir di Sungai Selangor sepanjang 10 kilo-



● NOR HISHAM AHMAD

meter telah mendapat kebenaran Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor (PDHS) dan permit dikeluarkan kepada KSSB.

Menurutnya, tiga lokasi terlibat seperti Kuala Kali di Mukim Batang Kali, SKG Rasa bersebelahan Ladang Rasa dan SKC Kampung Timah, Mukim Hulu Yam.

Katanya, permit berkenaan sah selama tiga bulan bermula 3 Jun 2010 hingga 31 Ogos depan dan tertakluk kepada Seksyen 72 Kanun Tanah Negara.

Jelasnya, permit itu meluluskan kerja pengambilan pasir dengan kuantiti maksimum 2,500 meter padu yang setiap satu meter padu perlu dibayar royalti RM3.



● Aktiviti perlombongan pasir yang didakwa dilakukan sejak tiga bulan lalu.



● Mohamad Khir menunjukkan kawasan yang dikorek, semalam.



● Antara longgokan pasir menerusi kegiatan perlombongan berkenaan.

RASA – Satu lagi kawasan di Selangor didakwa menjadi sasaran bagi kegiatan mencuri pasir di Selangor dan kali ini ia membabitkan tanah rizab sungai milik Kerajaan Negeri di Ladang Rasa, di sini.

Sinar Harian difahamkan aktiviti terbabit dijalankan sejak tiga bulan lalu dan baru sahaja dihentikan selepas ia dihidu pihak berwajib.

Kegiatan perlombongan pasir dalam kawasan seluas kira-kira 8 hektar itu dijalankan dekat sebatang sungai.

Ketua Pembangkang Selangor, Dr Mohamad Khir Toyo berkata, beliau memperoleh maklumat mengenai kegiatan terbabit daripada orang awam.

“Saya harap sangat Kerajaan Negeri ambil tindakan demi masa depan Selangor.

“Selepas kerja melombong pasir selesai, apa akan jadi dengan kawasan ini, nilainya akan turun dan kos pemulihannya tiga kali ganda.

“Persoalannya sekarang, pasir yang dikorek, siapa yang akan timbus balik?” katanya.

Beliau berkata demikian kepada sekumpulan 20 wartawan yang dibawa meninjau lokasi perlombongan pasir di Ladang Rasa di sini, semalam.

Bekas Menteri Besar Selangor itu turut mempersoalkan siapakah yang akan memulihkan kembali kawasan terbabit dan bimbang kosnya akan terpaksa ditanggung rakyat Selangor.

“Saya harap pembangkangan jadikan ini isu peribadi. Ini masalah negeri Selangor dan Barisan Nasional (BN) komited banteras kegiatan curi pasir.

“Ketika saya menjadi Menteri Besar, kita bertindak secara agresif dan sejak 2006 memang tiada kegiatan curi pasir. Kalau ada, ia di tanah persendirian.

“Saya pernah mendapat peluru hidup dan diugut oleh gengster kerana cuba membanteras kecurian pasir,” katanya.

Dr Mohamad Khir berkata, banyak lagi kegiatan curi pasir akan didedahkan sehingga Kerajaan Negeri mengambil tindakan, seperti yang wakil rakyat dan rakyat inginkan.

Katanya, beliau tidak akan berhenti mendedahkan kegiatan itu walaupun menerima ugutan daripada mana-mana pihak.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, Yaakob Sapari ketika diminta mengulas mengenai isu itu berkata, beliau akan menyoal dakwaan berkenaan dan akan mengadakan satu sidang media hari ini.

Berita SMS Sinar Harian

Servis	Langgan	Henti Langgan	Hantar	Harga
MAXIS	ON SINAR	STOP SINAR	23278	RM5/sebulan
	ON SINARW	STOP SINARW	23278	RM1.50/seminggu
DIGI	DAFTAR SINAR	BATAL SINAR	2000	RM5/sebulan
Celcom	ON SH	STOP SH	33333	RM0.30/SMS

TELUS DAN TERKINI

* Minimum 5 berita setiap hari